

APLIKASI PRINSIP MAQASID SYARI'AH DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Nora'inan Bahari
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norainan@kuis.edu.my

Abstrak

Terdapat empat prinsip yang mendasari perbincangan tentang *maqasid syari'ah*. Pertama, tujuan Syarak dalam penciptaan hambaNya ialah untuk menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta. Oleh itu menjaga dan mempertahankan kelima-lima tonggak ini akan memastikan pencapaian manfaat (*maslahah*) dan setiap yang menghapuskan kelima-lima perkara ini akan membawa kepada keburukan (*mafsadah*); kedua, hanya *maqasid shari'ah* sahaja yang boleh diterima; ketiga, segala syariat Allah SWT adalah *maslahah* untuk manusia sama ada dalam bentuk meninggalkan kerosakan (*dar' al-mafasid*) atau mendapatkan kebaikan (*jalb al-masalih*) dan keempat, falsafah memberi kefahaman tentang tujuan syariat, kebertanggungjawaban dan menjadikan manusia sebagai seorang mukallaf dari sudut hukum. Oleh itu dalam senario pelbagai isu yang melanda institusi kekeluargaan Islam di Malaysia hari ini, kajian ini akan menganalisis aplikasi *maqasid syari'ah* dalam aspek perundangan dengan menumpukan penelitian terhadap Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Kajian yang menggunakan metode dokumentasi dan analisis kandungan terhadap peruntukan-peruntukan Enakmen dan kes-kes yang terpilih menunjukkan terdapat pemakaian prinsip *maqasid syari'ah* dalam peruntukan dan kes-kes yang diputuskan. Walau bagaimanapun bagi menyempurnakan pencapaian *maqasid syari'ah*, beberapa penambahbaikan juga perlu dilakukan. **Kata kunci:** Aplikasi, *maqasid shari'ah*, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

1.0 PENDAHULUAN

Institusi keluarga adalah asas sebuah negara bangsa. Keutuhannya menjadi kekuatan kepada negara. Justeru, usaha perlu dilakukan bagi memastikan institusi keluarga menjadi tonggak yang kukuh termasuk daripada sudut perundangan. Kajian ini menumpukan kepada aplikasi *maqasid syari'ah* dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dengan menjelaskan peruntukan dan kes-kes yang memfokuskan kemaslahatan masyarakat dan menghapuskan kemudaratan.

Secara asasnya tujuan *maqasid syari'ah* adalah untuk menjaga lima kepentingan syarak iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kewujudan undang-undang keluarga Islam merupakan pengaplikasian konsep *maqasid syari'ah* yang bertujuan untuk memelihara kelima-lima aspek ini. Penggubalan undang-undang keluarga Islam ini adalah satu keperluan di dalam masyarakat sebagai panduan untuk memelihara hak-hak seperti mana yang di perintahkan oleh syarak agar ikatan sesebuah perkahwinan yang dibina mendatangkan berkat dan rahmat. Sebagai contoh di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS 2003) memperuntukkan mengenai perkahwinan dan kesahtarafan anak seperti “*orang yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan, pertalian yang melarang perkahwinan, orang dari agama lain, perkahwinan*

tak sah dan siapakah yang dikaitkan sebagai bapa.” Peruntukan ini adalah bertujuan untuk menjaga agama dan keturunan supaya perkahwinan dan keturunan atau nasab keluarga tidak bercanggah dengan syarak.

Allah SWT memuliakan manusia sebagai khalifah di bumi ini, oleh itu Allah juga mensyariatkan manusia untuk menjaga kehormatan, maruah dan nasab bagi memelihara kebaikan dan kemaslahatan manusia sejagat. Maka pengaplikasian konsep *maqasid syari`ah* dalam undang-undang keluarga Islam adalah tepat dan bersesuaian dengan tujuan *maqasid syari`ah* itu sendiri yang mana setiap peruntukan yang digubal di bawah EUKIS 2003 ini adalah bertujuan untuk menjaga hak-hak dan kepentingan syarak.

1.1 Prinsip-prinsip Maqasid Syari`ah

Menurut al-Shatibi istilah *qasd al-Syari`* atau maksud Allah SWT dalam empat aspek iaitu mencipta syariat untuk umat manusia, memberi kefahaman kepada tujuan syariat, memberi kebertanggungjawaban dan melibatkan manusia sebagai seorang mukallaf dalam hukumnya.

Penciptaan syariat menurut tujuan ilahi ialah demi kemaslahatan hamba di dunia dan akhirat melalui pertanggungjawaban hukum syarak. *Maqsid shari`ah* yang dimaksudkan sama ada berbentuk *daruriyyat* (asasi), *hajiyyat* (keperluan) atau *tahsiniyyat* (kesempurnaan). Ketiga-tiganya saling melengkapi yang mana aspek keperluan dan penambahbaikan adalah pelengkap kepada keperluan asasi. Perkara *daruriyyat*, mesti dipertahankan agar kemaslahatan di dunia dan akhirat terpelihara kerana ketiadaannya akan menyebabkan kebinasaan dan kerugian Perkara *hajiyyat* pula diperlukan bagi kemudahan hidup dan mengelakkan kesukaran manakala *tahsiniyyat* perkara yang elok mengikut adat kebiasaan menjauhkan hal yang menghinakan mengikut pertimbangan akal yang disimpulkan sebagai kesempurnaan akhlak. Maka kewajipan solat untuk menjaga agama tidak akan tertunai dengan sempurna tanpa syarat menutup aurat dan menghadap kiblat serta sunat memakai wangian semasa solat.

al-Shatibi juga mengkategorikan lima perkara tersebut kepada beberapa kategori iaitu asas-asas ibadat, adat dan muamalat. Penjagaan agama dimartabatkan dengan menegakkan asas-asas ibadat, maka disyariatkan seperti iman, mengucap dua kalimah shahadah, solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Manakala penjagaan diri dan akal penting bagi mempertahankan adat yang meliputi kewajipan menyediakan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Penjagaan keturunan dan harta pula dimestikan bagi memelihara asas muamalat melalui hukum pemindahan pemilikan harta dengan gantian atau akad. Manakala kelima-lima *maqasid al-Shari`* adalah menjadi asas hukum jenayah yang mensyariatkan hukuman *qisas*, *diyat* dan *hudud*.

1.2 Latar Belakang Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Perbincangan tentang EUKIS boleh dibahagikan kepada sebelum dan selepas merdeka (31 Ogos 1957) bagi menampakkan penambahbaikan yang telah dibuat dalam perundangan berkaitan keluarga Islam dan penambahbaikan yang boleh dilakukan.

1.2.1 Sebelum Merdeka

Peruntukan undang-undang keluarga Islam telah wujud daripada zaman kerajaan Melayu lagi. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan beberapa teks undang-undang Melayu lama yang mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan keluarga yang dikanunkan bersama dengan peruntukan-peruntukan undang-undang muamalat, keterangan, jenayah dan undang-undang adat seperti adat kebesaran diRaja, adat para pembesar dan lain-lain lagi. Antara peruntukan

dalam Hukum Kanun Melaka pada ketika itu ialah berkaitan perkahwinan dan perceraian yang terdapat dalam fasal 25 hingga fasal 28 dan Hukum Kanun Pahang yang memperuntukannya menerusi fasal 67 yang merupakan salinan daripada fasal 25 hingga fasal 28 Hukum Kanun Melaka. Peruntukan undang-undang keluarga Islam pada ketika ini menggunakan pendapat Imam Syafi'e mengenai perkahwinan, wali, ijab kabul perceraian, saksi dan sebagainya yang diubah suai mengikut kesesuaian masyarakat tempatan (Zaini Nasohah, 2004).

Undang-undang Keluarga Islam pada zaman penjajahan Inggeris bermula dengan berperingkat. Bermula dengan Negeri-Negeri Selat, kemudian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. *Muhammedan Marriage Ordinance* diperkenalkan pada tahun 1880 digubal di Di Negeri-Negeri Selat. Tujuan utama undang-undang ini diperkenalkan adalah sebagai panduan mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam yang mana peruntukan ini meliputi empat bahagian terdiri daripada peruntukan tentang perantaraan pendaftar serta prosedur pendaftaran perkahwinan dan perceraian, bidang kuasa kadi dalam hal perkahwinan dan kesan perkahwinan terhadap harta bagi perempuan bersuami. (Zaini Nasohah, 2004).

Undang-undang keluarga Islam yang sama seperti mana di Negeri-Negeri Selat juga dikuatkuasakan bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Begitu juga Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor. Undang-undang pertama diperkenalkan ialah peruntukan mengenai perkahwinan dan perceraian dengan nama *Perak Registration of Muhammedan Marriage and Divorce Enactment 1885*.

Manakala negeri Selangor menguatkuasakannya pada tahun 1900 dengan undang-undang "The Muhammedan Marriage and Divorce Registration Enactment, 1900". Kemudiannya dipinda kepada "Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment (Chapter 197 of Revised Law of Federated Malay States, 1935)" yang mengandungi hukum-hukum substantif seperti wali hakim yang boleh mengahwinkan seorang wanita jika walinya enggan tanpa sebab yang munasabah atau kerana ketiadaan wali. Ia terpakai di Selangor sehingga disatukan bersama perkara-perkara lain berkaitan pentadbiran Islam di bawah "Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952".

Manakala di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu undang-undang terawal yang diperkenalkan ialah di Kelantan iaitu Undang-Undang Orang Hendak Bercerai Laki Bini dan Lain-lainnya 1909 iaitu *Registration of Marriage and Divorce of Muhammedan 1911* dan *Moslem Marriage and Divorce Enactment 1911*.

1.2.2 Selepas Merdeka

Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia selaras dengan peruntukan dalam Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan adalah berkaitan dengan kekeluargaan Islam yang diletakkan dalam urusan negeri bukan Persekutuan. Justeru, setiap negeri menggubal undang-undang keluarganya yang berasingan dan berbeza antara satu sama lain. Ini termasuklah Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor. Kesan dari ketidakseragaman itu, Kerajaan Persekutuan telah cuba mewujudkan satu model undang-undang yang diseragamkan ke setiap negeri. Dalam penggubalannya itu beberapa contoh undang-undang keluarga telah diambil. Antaranya Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 1982 kepada orang-orang bukan Islam.

Bagaimanapun pengubahsuaian telah dibuat agar sejajar dengan prinsip dan hukum Islam. Undang-undang Keluarga Islam bagi lain-lain negara Islam juga turut diambil seperti Singapura, Mesir, India dan Pakistan. Draf undang-undang Keluarga Islam yang digubal di peringkat Persekutuan itu telah dihantar kepada Majlis Raja-Raja dan setelah diluluskan

sebelum dihantar kepada tiap-tiap negeri pada 19hb. Ogos 1978 untuk dikaji, dikomen dan seterusnya diterima dan diimplementasikan.

Tindakan ini adalah sesuatu yang wajar dalam usaha mewujudkan keseragaman undang-undang yang lebih baik demi menjaga kebajikan dan kepentingan pihak-pihak dalam sesuatu perkahwinan termasuk isteri dan anak-anak sebagaimana undang-undang yang lain, bahkan lebih baik lagi. Akhirnya pada 24hb. April 1982, setelah beberapa perbincangan dan pertemuan diadakan, Badan Perunding Islam telah mengesyorkan supaya segera dilaksanakan di negeri-negeri dan syor ini telah dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam. Dalam mesyuaratnya pada 12hb. April 1982, mesyuarat mengambil keputusan bersetuju supaya Menteri-menteri Besar yang hadir hendaklah mengambil tindakan yang perlu agar draf undang-undang pentadbiran keluarga Islam ini dijadikan undang-undang bagi negeri masing-masing.

Kedah, Kelantan dan Wilayah Persekutuan mendahului negeri-negeri lain dalam menerima pakai draf tersebut. Walaupun rang Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri Kedah adalah yang pertama diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, tetapi hanya diterbitkan selepas perundangan di Kelantan yang dikuatkuasakan pada Januari 1984 dan Wilayah Persekutuan yang menguatkuasakannya pada 29 April 1987, kerana ia hanya dipersetujui oleh Sultan Kedah pada 12 Disember 1983. Oleh kerana itu tepatlah seperti yang dikatakan oleh Ahmad Ibrahim bahawa perundangan dari negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuanlah yang menjadi ikutan negeri-negeri lain di Malaysia dalam penggubalan Undang-undang Keluarga Islam masing-masing. Namun begitu, Kedah dan Kelantan tidak menerima pakai sepenuhnya draf yang diluluskan di peringkat pusat tersebut (Nora`inan, 1998).

2.0 LATAR BELAKANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Penggubalan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor bermula pada tahun 1984 ekoran dari gesaan oleh Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam agar draf Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam itu dilaksanakan di negeri-negeri. Majlis Agama Islam Selangor telah membentuk satu Jawatankuasa Kecil Pindaan Rang Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 dan bersetuju menerima pakai perundangan yang telah digubal oleh Wilayah Persekutuan. Perkara ini jelas berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Penasihat Undang-Undang Selangor dalam suratnya kepada Setiausaha Kerajaan Selangor :

"Seperti yang Tuan sedia maklum rang undang-undang ini telah disediakan berasaskan kepada undang-undang yang sama maksud Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 yang telah digubal untuk Wilayah Persekutuan yang telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara. "

Berasaskan kenyataan di atas, terdapat dua jenis persamaan yang wujud antara kedua-dua perundangan itu. Pertama, peruntukan yang mempunyai persamaan dari segi perkataan dan maksud seperti takrif hukum syarak. Kedua-dua undang-undang memperuntukkan hukum syarak sebagai "Undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah". Manakala peruntukan yang mempunyai persamaan dari segi maksud tetapi berbeza dari segi perkataan seperti peruntukan yang berkaitan dengan daftar yang tidak diakui sah di sisi undang-undang. Undang-undang Wilayah Persekutuan memperuntukkan:

"Tiada seseorang, lain daripada mereka yang dilantik di bawah seksyen 28, boleh mengeluarkan kepada seseorang apa-apa dokumen yang mana adalah atau yang berupa sebagai suatu salinan surat perakuan bagi perkahwinan atau perakuan perkahwinan yang didaftarkan oleh Pendaftar",

Dibandingkan dengan peruntukan yang sama dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor yang memperuntukkan:

"Tiada seseorang, lain daripada mereka yang dilantik di bawah seksyen 28, boleh mengeluarkan kepada seseorang apa-apa dokumen yang mana adalah atau yang berupa sebagai suatu perakuan bagi perkahwinan atau salinannya".

Berasaskan kedua-dua peruntukan di atas, peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor telah menggunakan perkataan yang lebih ringkas berbanding dengan peruntukan dalam Akta 303 yang lebih panjang. Di samping itu terdapat beberapa lagi bentuk persamaan dalam kedua-dua perundangan tetapi yang lebih penting, kedua-duanya hanya berbeza dari segi lafaz dan tidak dari segi maksud.

Manakala dari aspek asas dan tujuan pelaksanaan undang-undang tersebut, al-Qur'an dan hadis menjadi rujukan utama berasaskan pentafsiran mazhab-mazhab yang masyhur dan muktamad manakala mazhab Syafi'i menjadi rujukan utama. Ini sesuai dengan amalan majoriti rakyat Malaysia termasuk para hakim di mahkamah Syariah, dan ini bertepatan dengan tujuan syariat Islam untuk memberikan kemudahan dan kemanfaatan serta menolak kemudaratannya.

Selain itu, tujuan penggubalan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 adalah untuk mengemaskini undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor bagi menjamin kelicinan dan keberkesanan pelaksanaan peruntukan yang terdapat di dalamnya dan memberikan perlindungan kepada wanita dari penganiayaan dan menjamin hak anak-anak sebelum dan selepas perceraian. Tujuan ini menepati tujuan syarak dalam menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan undang-undang sebelumnya seperti "*Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment Chapter 197 of Revised Law of Federated Malay States, 1935*" yang memusatkan kepada aspek-aspek pentadbiran seperti pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk serta sedikit hukum asas dalam perkahwinan yang jelas digubal untuk memudahkan pihak Inggeris mengawal selia urusan kekeluargaan masyarakat Islam.

Pada tahun 1984 juga Undang-undang Keluarga Islam Selangor No. 4 tahun 1984 telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 23 Januari 1989 di seluruh negeri Selangor. Pelaksanaan Undang-undang ini telah memansuhkan bahagian ke 6 dan 7 seksyen 155, 156, 158, 160 dan 178 perenggan (n) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952.

Pada tahun 1989, Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2 tahun 1989 telah diluluskan. Berdasarkan enakmen ini, Mahkamah Syariah Selangor ditubuhkan secara rasmi dan berasingan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada tahun 1991, Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor No. 6 tahun 1991 dan Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor No. 7 tahun 1991 telah diluluskan dan mula dikuatkuasakan pada 1hb September 1991. Mulai tarikh itu Mahkamah Syariah Selangor telah diasingkan secara rasminya dari JAIS.

Akhirnya pada tahun 2003 nama Mahkamah Syariah Selangor telah ditukar kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) selaras dengan perkembangan dan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Penubuhan Mahkamah Syariah di

Negeri Selangor adalah di bawah peruntukan Seksyen 55(1), 55(2), 55(3) dan 55(4) dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Nora'nan Bahari, 1998).

3.0 APLIKASI MAQASID SYARI'AH DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR 2003

Pemakaian *maqasid syari'ah* tidak terkeluar dari asas-asas yang telah digariskan oleh Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, (EUKIS) 2003 iaitu al-Quran dan hadis menurut tafsiran ulama dan dari aspek hukum adalah menurut tafsiran mazhab-mazhab yang utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'I dan Hambali yang diterima sebagai mazhab yang sah.

Peruntukan-peruntukan yang wujud dalam EUKIS 2003 sememangnya berpandukan kepada prinsip *maqasid syar'ah* untuk menjaga kemaslahatan bersama dalam berkeluarga dari lima aspek iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta untuk memastikan pelaksanaan syariat Allah. Kemudahan yang sering berlaku dalam sesebuah rumahtangga menunjukkan keperluan kepada suatu undang-undang yang lebih lengkap, jelas dan terperinci supaya masyarakat Islam tahu dan sedar bahawa suami, isteri, ibu bapa atau anak-anak mempunyai hak serta tanggungjawab yang wajib dipenuhi supaya dapat mewujudkan keharmonian dalam sesebuah rumahtangga dan bukan untuk menggalakkan penceraian.

3.1 Maqasid Syari'ah Dari Aspek Agama

Aplikasi *maqasid syari'ah* dapat dilihat dalam beberapa peruntukan seperti s.53 (1) (h) (v):

“(v) menghalang isteri dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agama; atau”

Dalam kes *Nor Aziah bt. Shaari lwn. Hj. Azit bin Talib*, permohonan asal untuk bercerai secara fasakh dibuat kerana suami tidak menunaikan nafkah zahir dan batin, cuba melacurkan isteri, memaksa isteri minum arak dan membawa isteri menyertai ajaran sesat. Bagaimanapun atas alasan sukarnya untuk membuktikan tuntutan yang dibuat, permohonan itu telah ditukar kepada cerai secara lafaz oleh suami (376/96).

Manakala peruntukan s.131 menjelaskan tentang kesalahan menjadikan diri murtad untuk mendapatkan pembatalan perkahwinan:

“Seseorang yang tidak suka akan suami atau isterinya dan dengan perdayaan menjadikan dirinya murtad untuk membatalkan perkahwinannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan penjara tidak lebih daripada satu tahun.”

Tindakan di atas bukanlah suatu yang wajar kerana perceraian dengan cara lain boleh dilakukan terutamanya dengan cara sabit *ta'liq* atau *fasakh* bagi pihak isteri. Bahkan tindakan sedemikian bertentangan dengan kaedah kemudahan yang berisiko kecil dilakukan bagi mengelakkan kemudahan yang lebih besar. Dalam hal di atas, menjadikan diri murtad adalah lebih besar risikonya dari memohon cerai dengan cara yang lain kerana ia melibatkan kesucian agama dan kepentingannya.

3.2 *Maqasid Syari'ah* dari Aspek Diri (Fizikal)

Enakmen juga memberi perlindungan kepada diri anggota keluarga dari aspek fizikal bila mana terdapat perlakuan suami atau isteri yang membahayakan fizikal atau tubuh badan. Fizikal yang dimaksudkan ialah meliputi anggota dan tubuh badan seseorang mangsa disebabkan kekerasan yang dilakukan terhadapnya termasuk tidak memberi nafkah dalam bentuk makan dan minum. Sekiranya berlaku perkara-perkara seperti ini, Enakmen memberikan beberapa perlindungan dengan tujuan untuk mencegah dan menghentikan perbuatan tersebut daripada terus berlanjutan. Antara perlindungan yang diberikan ialah seksyen yang berkaitan dengan tuntutan *fasakh*, *ta'lik* dan perintah tegahan.

Pemakaian prinsip *maqasid syari'ah* ini boleh dilihat sepertimana di dalam s.53 (1) (h) (i):

“(h) bahawa suami atau isteri menganiyai isteri atau suaminya iaitu, antara lain:

Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau

Dalam kes *Nor Aniey bt. Hathim lwn. Nor Azhar Jamaludin*, mahkamah telah memutuskan tuntutan *ta'liq* isteri adalah sah dan sabit kerana sikap suaminya yang panas baran dan pemabuk serta telah melakukan penganiayaan dengan memukul isteri. (103, 96). Justeru dengan jelas bahawa perlakuan suami tersebut telah memudaratkan tubuh badan isteri.

3.3 *Maqasid Syari'ah* dari Aspek Akal (Emosi dan Jiwa)

Dua peruntukan utama yang memberikan perlindungan dari aspek emosi dan jiwa suami atau isteri yang terjejas disebabkan oleh kelakuan suami atau isteri di dalam tempoh perkahwinan adalah s.53 (1) (d) (e) dan (h) (i) serta s.107. Seksyen 53 adalah berkaitan keengganan suami untuk memenuhi nafkah batin atau bersetubuh dengan isterinya sekurang-kurangnya empat bulan, mati pucuk dan isteri tidak tahu semasa perkahwinan dan suami menganiaya isteri dengan lazim menyakiti.

Manakala s.107 adalah perintah tegahan dari mengganggu dengan apa cara sekalipun yang termasuk gangguan dari aspek mental. Antara kes yang berkaitan ialah *Zalinah bt. Mohd Nor lwn. Romainor Mat Sap*. Permohonan perintah tegahan yang dipohon oleh isteri dalam kes ini merangkumi dari perlakuan mengurung, mengancam dan memfitnah. Perbuatan suami ini telah menyakiti mental isteri kerana menyebabkan tekanan kepadanya. (62/96).

3.4 *Maqasid Syari'ah* dari Aspek Keturunan

Menjaga keturunan membawa maksud menjaga nasab dalam keluarga. Antara peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam EUKIS 2003 yang dilihat bertujuan untuk menjaga keturunan ialah peruntukan daripada s.111 sehingga s.120 yang mana peruntukan ini adalah berkenaan dengan *Kesahtarafan Anak*. S.111 memperuntukkan:

“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab penceraian, dan

perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan mahkamah.”

Islam sangat menitik beratkan soal nasab anak yang dilahirkan sama ada anak tersebut dilahirkan di dalam perkahwinan yang sah atau anak yang dilahirkan di luar perkahwinan, yang mana anak yang dilahirkan diluar tempoh perkahwinan tidak boleh dinasabkan dengan bapa biologinya. Pemakaian prinsip *maqasid syari'ah* dalam aspek menjaga keturunan adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kemudaratan yang lebih besar seperti masalah faraid dan perwalian.

Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Raisha binti Annuar* di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang diputuskan pada 4 September 2009. Kes ini merujuk kepada permohonan Raisha binti Annuar kepada mahkamah untuk menentukan adakah pemohon ini boleh dinasabkan kepada ayahnya yang bernama Annuar Hj. Zakaria. Pemohon telah mengemukakan permohonan di Mahkamah apabila status kesahtarafannya diragui oleh Pejabat Agama Daerah Port Dickson setelah beliau menghantar borang permohonan berkahwin di Pejabat Agama Daerah Port Dikson bersama pasangannya Mohd Yusoff bin Mohd Annuar. Pejabat Agama mendapati bahawa pemohon telah dilahirkan kurang daripada enam bulan Qamariah dari tarikh perkahwinan ibubapanya. Fakta ini diketahui melalui rujukan kepada sijil pernikahan kedua ibu bapanya (Annuar Hj. Zakaria dan Zaharah Yunus) bertarikh 5 April 1985 sedangkan tarikh kelahiran beliau ialah 1 Oktober 1985. Setelah meneliti dokumen dan bukti-bukti lain, Mahkamah mengesahkan bahawa tempoh pernikahan dan kelahiran tidak mencukupi enam bulan. Maka, mahkamah telah memutuskan bahawa status pemohon adalah Anak Tak Sah Taraf dan dengan itu tidak boleh dinasabkan kepada bapanya Annuar Hj. Zakaria. Pernikahan pemohon hendaklah berwalikan wali hakim (05100-006-0447-2009).

3.5 Maqasid Syari'ah Dari Aspek Harta

Sebagaimana konsep *maqasid syari'ah* diaplikasikan dalam aspek keturunan, terdapat peruntukan-peruntukan Enakmen yang memakai konsep *maqasid syari'ah* dalam aspek harta. Antara peruntukan yang berkaitan ialah s. 53 (1) (h) dan s. 106. Tuntutan *fasakh* dalam s. 53 (1) (h) (iv) mengkategorikan penganiayaan termasuk melupuskan harta isteri atau melarang isteri dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu.

Manakala peruntukan s. 106 iaitu kuasa bagi mahkamah untuk membatalkan dan menahan perpindahan-perpindahan yang dimaksud untuk mengecewakan tuntutan-tuntutan nafkah.

“Semasa sesuatu perbicaraan hal-ewal suami isteri belum selesai atau sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 58, 60 atau 74 dan belum dibatalkan atau nafkah kena dibayar di bawah sesuatu perjanjian kepada atau untuk faedah seorang isteri atau isteri yang dahulu atau anak”.

Berdasarkan peruntukan di atas, suami atau isteri mempunyai hak untuk memohon dari mahkamah untuk menguatkuasakan perintah tegahan dalam tiga keadaan iaitu semasa proses perbicaraan sedang berjalan, setelah perintah mengenai bayaran mut'ah dan setelah nafkah isteri dan anak dikeluarkan. Ini termasuklah nafkah yang kena dibayar mengikut perjanjian yang telah dibuat samada untuk isteri, isteri terdahulu atau anak. Bagaimanapun, perintah tersebut hanya boleh dikeluarkan setelah mahkamah berpuas hati dengan tuntutan pihak yang berkenaan.

Antara contoh dalam kes berkaian ialah kes *Nor`aini bte Zolkifli lwn. Halim bin Saad*. Permohonan perintah tegahan dibuat oleh isteri semasa prosiding pengesahan ta'liq yang telah dibuat oleh suami dan mengenai penjagaan anak-anak. perintah tegahan yang dipohon ialah tegahan melarikan sejumlah harta keluar dari bidangkuasa mahkamah dan menggadai, menyusutkan, menjual atau memindahkan sebarang saham yang menjadi penentang sehinggalah selesai perbicaraan hal ehwal suami isteri. (92/96).

4.0 PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat aplikasi prinsip-prinsip *maqasid syari'ah* yang meluas dalam peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan kes-kes yang diputuskan. Kelima-lima aspek jelas dijaga dan dipertahankan melalui peruntukan berkaitan menjelaskan lagi tujuan utama syariat diturunkan kepada manusia dan memastikan setiap anggota masyarakat dipertanggungjawabkan terhadap semua tindakan yang dilakukan. Bahkan dengan menggunakan *maqasid syari'ah*, penambahbaikan dari semasa ke semasa dapat dilakukan terhadap Enakmen ini.

5.0 RUJUKAN

- al-Ghazaliyy*. 1294H. *al-Mustasfa Min `Ilm Al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-`Arabiyy.
- al-Shatibi*, Abi Ishaq Ibrahim Ibn Musa Al-Lakhamiyy (m. 790H)(t.t.), *al-Muwafaqat Fi Usul Al-Ahkam*, j. 2, Beirut: Dar Al-Fikr.
- Nora'nan binti Bahari. 1998. *Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis*. Jurnal Syariah 6. Universiti Malaya.
- Zaini Nasohah. 2004. *Perkembangan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Isu Syariah & Undang-undang Siri 20. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kes-kes
- Nor`aini bte Zolkifli lwn. Halim bin Saad*. Fail kes Mahkamah Tinggi Syariah, no. 92/96.
- Nor Aniey bt. Hathim lwn. Nor Azhar Jamaludin*. Fail kes Mahkamah Tinggi Syariah no.103/96.
- Nor Aziah bt. Shaari lwn. Hj. Azit bin talib*. Fail kes Mahkamah Tinggi Syariah, no. 376/96.
- Raisha binti Annuar*. Fail kes Mahkamah Tinggi Syariah, no.kes 05100-006-0447-2009.
- Zalinah bt. Mohd Nor lwn. Romainor Mat Sap*. Fail kes Mahkamah Tinggi Syariah, no. 62/96.